

Persefahaman antara parti komponen BN jadi amalan — Khalil

KUANTAN 21 April — Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, terdapat persefahaman antara parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk tidak mencampuri urusan setiap parti bagi memastikan perpaduan dalam gabungan itu berkekalan.

Beliau menegaskan, persefahaman itu telah lama wujud dan menjadi amalan setiap parti komponen melaksanakan 'peraturan' tersebut.

Menurutnya, segala masalah yang berlaku perlu dirujuk kepada Pengerusi BN iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kecemerlangan dan Mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan *Mingguan Malaysia* hari ini mengenai kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek yang menatikan bahawa pelan damai tajaan Perdana Menteri bagi menyelesaikan krisis MCA adalah

21 APRIL 2002
satu bentuk campur tangan UMNO dalam isu berkenaan. . . .

Ah Lek mengulas kolom 'Bisik-Bisik Awang Sulung' dalam akhbar ini semalam bahawa sudah ada cakap-cakap kurang manis daripada kalangan Kumpulan A MCA yang menyifatkan pelan damai Perdana Menteri itu sebagai campur tangan UMNO.

Khalil berkata, beliau berterima kasih kepada Ah Lek dengan penjelasannya itu kerana ia memang bertepatan dengan persefahaman yang sekian terjalin antara parti-parti komponen BN.

"Masalah ini biarlah diserahkan kepada kebijaksanaan dan budi bicara Perdana Menteri selaku Pengerusi BN untuk menyelesaikannya," katanya.

Sehubungan itu, jelasnya, beliau tidak boleh mengulas panjang mengenai isu berkenaan kerana ia melibatkan parti komponen BN.

"Saya percaya Perdana Menteri akan mengulas isu ini sekembalinya daripada lawatan ke luar negeri," katanya.